



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

---

Jil. LXXIV]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 24 JANUARI 2019

[No. 4

---

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**DATUK SERI PANGLIMA HASHIM BIN PAIJAN,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

---

**No. 23**

[No. JPAN(S) 900-3/141/(75)

## PEMBERITAHUAN

### PENUBUHAN DAERAH PENUH KALABAKAN

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa Yang di-Pertua Negeri telah mengisytiharkan yang berikut:

Daerah Kalabakan telah ditubuhkan berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Oleh yang demikian, mulai dari 1 Januari 2019, semua urusan yang berkaitan di kawasan itu hendaklah sekarang diurus di pentadbiran daerah yang berkenaan.

Bertarikh 14 Januari 2019.

**DATUK SERI PANGLIMA HASHIM BIN PAIJAN,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

[No. JPAN(S) 900-3/141/(75)]

## NOTIFICATION

## ESTABLISHMENT OF KALABAKAN FULL DISTRICT

It is hereby notified for general information that Yang di-Pertua Negeri has declared as follows:

Kalabakan was established as a full district with effect from 1st January 2019.

Therefore, effectively from 1st January 2019, all related matters of the areas shall now be transacted at the administrative district concerned.

Dated 14th January 2019.

DATUK SERI PANGLIMA HASHIM BIN PAIJAN,  
*State Secretary.*

No. 24

[No. JKM.PHB. 600-2/1/542/(150)]

## KORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 75/2018 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* pada 1 Mac 2018 dan diulangi pada 8 Mac 2018, pembedulan nama "*Pemilik*" untuk Bil. No. 38 seperti yang tercatat di bawah:-

<i>Bil.</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Pemilik</i>
38.	NT. 023217361	Latifah binti Abu Bakar Titingan

[No. JKM.PHB. 600-2/1/542/(150)]

## CORRIGENDUM

In the *Gazette* Notification No. 75/2018 published in the *Government Gazette* dated 1st March 2018 repeated on 8th March 2018, the name of "Owner(s)" for Item No. 38 are to be substituted as follows:-

<i>No.</i>	<i>Title Number</i>	<i>Owner(s)</i>
38.	NT. 023217361	Latifah binti Abu Bakar Titingan

No. 25

[No. JKM. PHB. 600-2/210/(11)]

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

## Bab 69

## PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 3(1) Bab 69 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa pada pendapatnya tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan dengan ini hendaklah diambil bagi maksud awam, iaitu, untuk Pengambilan Tanah untuk Simpanan Jalan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

No. Pelan 901300044/1-2 yang menunjukkan kawasan yang hendak diambil boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kota Kinabalu, pada waktu biasa pejabat.

## JADUAL

<i>Bil.</i>	<i>Pemilik</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i>	<i>Tempat</i>	<i>Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i>
1.	Sri Ling Sdn Bhd	CL. 015437671	1.984	Kota Kinabalu	0.158
2.	Inter-City Property Corporation Sdn Bhd	CL. 015437680	1.918	„	0.050

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 18 Januari 2019.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/210/(11)]

## LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

## DECLARATION UNDER SECTION 3

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 3(1) of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby declares that he considers that any land set out in the Schedule hereto should be acquired for a public purpose, that is to say, for Kota Kinabalu City Hall Road Reserve, Kota Kinabalu.

Plan No. 901300044/1-2 showing the area to be acquired may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu, or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Kota Kinabalu, during normal office hours.

## SCHEDULE

<i>No.</i>	<i>Owner(s)</i>	<i>Title No.</i>	<i>Area on Title in Hectare(s)</i>	<i>Locality</i>	<i>Area to be Acquired in Hectare(s)</i>
1.	Sri Ling Sdn Bhd	CL. 015437671	1.984	Kota Kinabalu	0.158
2.	Inter-City Property Corporation Sdn Bhd	CL. 015437680	1.918	„	0.050

Dated at Kota Kinabalu, this 18th day of January, 2019.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,  
*Chief Minister of Sabah.*

No. 26

[No. JKM. PHB. 600-4/1/421(16)]

## ORDINAN TANAH

## Bab 68

PENGISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK  
MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)  
DAERAH RANAU  
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Bab 68 Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizabkan kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu untuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Ranau.

## JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Kawasan Lebih Kurang</i>
Ranau	Ranau	06200754	906100004	12.14 hektar

No. Pelan 906100004 yang menunjukkan kawasan lebih kurang 12.14 hektar yang ditandakan dengan warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 15 Januari 2019.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-4/1/421(16)]

## LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF LAND RESERVE FOR  
MARA JUNIOR SCIENCE COLLEGE (MRSM)  
DISTRICT OF RANAU  
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say, for Mara Junior Science College (MRSM), Ranau.

## SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Ranau	Ranau	06200754	906100004	12.14 hectares

Plan No. 906100004 showing an area of approximately 12.14 hectares delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 15th day of January, 2019.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,  
*Chief Minister of Sabah*

No. 27

[No. SPANS: (S)1000-1/2770/(66)]

PEMBERITAHUAN PEMBUANGAN KERJA DARIPADA  
PERKHIDMATAN SELARAS DENGAN KEHENDAK PERATURAN 230 (7),  
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
NEGERI SABAH 2008

Pemberitahuan adalah dengan ini dibuat bahawa Puan Lydiana binti Nordin yang memegang Kad Pengenalan bernombor 930421-12-5356 dan berjawatan sebagai Pekerja Awam Gred R1 di Jabatan Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu telah didapati berterusan tidak hadir bertugas tanpa cuti atau kebenaran dan tidak dapat dikesan sejak 28 April 2018. Penama juga telah disahkan tidak ada kembali melapor diri bertugas dalam tempoh tujuh (7) hari selepas satu notis mengenai hakikat ketidakhadirannya bertugas dan tidak dapat dikesan itu dan arahan untuk penama segera kembali bertugas disiarkan dalam akhbar *Harian Ekspres* pada 13 Disember 2018. Dengan itu, selaras dengan kehendak Peraturan 230(6) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, penama adalah disifatkan telah dibuang kerja daripada perkhidmatan berkuat kuasa mulai dari tarikh 28 April 2018 iaitu tarikh penama mula tidak hadir bertugas secara berterusan tanpa cuti atau kebenaran yang dinyatakan dalam notis penyampaian yang telah disiarkan dalam akhbar tersebut.

**Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2019 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:**

**KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2019**

*Warta Kerajaan* termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

	RM	
Langganan Tahunan di dalam Malaysia ... ..	120.00	
Langganan Tahunan di luar Malaysia ... ..	180.00	
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)	2.40	
Sesuatu naskhah <i>Warta Kerajaan</i> , Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.		
Tidak lebih daripada 8 muka ... ..	1.80	
Tidak lebih 9 hingga 16 muka ... ..	2.40	
Tidak lebih 17 hingga 32 muka ... ..	3.00	
Tidak lebih 33 hingga 48 muka ... ..	3.60	
Tidak lebih 49 hingga 64 muka ... ..	4.20	
Tidak lebih 65 hingga 96 muka ... ..	5.40	
Lebih daripada 96 muka ... ..	7.20	dan tambah RM1.20 untuk setiap 32 muka yang lebih.

Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta  
indeks 2018 (dijilid dengan Kulit Keras) ... .. RM 42.00

**Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).**

**Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalang “& Co”.**

## Untuk Makluman

- (1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.**
- (2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan Warta Kerajaan Persekutuan hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.**